

30 JULY 2000

Mahathir-Anak

PERDANA MENTERI PERJELAS PERNIAGAAN ANAK-ANAKNYA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tiga orang anak lelakinya yang menjadi ahli perniagaan tidak semestinya bergantung kepada beliau kerana perniagaan mereka sebahagian besarnya tidak melibatkan kerajaan.

Beliau juga berkata adalah tidak realistik untuk menyekat anak-anaknya daripada berniaga semata-mata kerana ayah mereka adalah perdana menteri.

"Saya tak bolehlah kata, tengok sini, ayah awak Perdana Menteri, please be poor (tolonglah jadi miskin). Kena realistiklah," kata Dr Mahathir dalam satu temubual eksklusif dengan majalah 'Gossip' keluaran terbaru.

Dr Mahathir merujuk pembabitan anak-anaknya itu dalam perniagaan apabila ditanya mengenai cakap-cakap bahawa beliau hanya akan melepaskan jawatan perdana menteri selepas beliau mendapat pengganti yang dapat menjamin kebajikan dan harta kekayaan kaum keluarga dan rakan-rakannya tidak "diganggu".

"I'll tell you frankly, I'll tell you frankly (terus terang saya katakan). Anak-anak saya tidak semestinya bergantung kepada saya. Perniagaan mereka adalah perniagaan yang tidak melibatkan kerajaan. Kalau adapun sikit-sikit sahaja," katanya.

Beliau berkata anak lelaki sulungnya, Mirzan, sengaja pergi berniaga di Hong Kong, India dan Jerman kerana tidak mahu orang tuduh dia, tetapi dia ada kepakaran dan kemampuan "build and turnaround" perkapalan.

Katanya Mirzan berjaya menjadikan sebuah konsortium perkapalan yang besar untuk dimiliki oleh rakyat Malaysia, sambil menambah "tapi orang nak tuduh dia, tuduhlah".

Mengenai tanggapan orang ramai tentang anak-anaknya, beliau bertanya: "Apa yang saya suruh anak saya buat? Jadi pegawai kerajaan? Mungkin dia naik pangkat, ada orang kata tak bolehlah, nepotism.

Dr Mahathir berkata jika anak-anaknya menjadi pegawai kerajaan, masuk politik atau buat bisnes, orang akan tetap membuat tanggapan tertentu.

"Jadi anak saya nak buat apa? Nak dok tidur di rumah," katanya.

Beliau berkata anak-anak boleh duduk di rumah sahaja sekiranya mereka bodoh, tetapi sebaliknya mereka berkelayakan dan "very qualified".

Katanya selain daripada Mirzan, anak-anak lelakinya yang lain yang terlibat dalam perniagaan (Mokhzani dan Mukriz) semuanya ada kemampuan berniaga.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata beliau tidak benarkan anak-anaknya masuk tender (kerajaan).

Ditanya mengenai banyak syarikat yang berebut mahukan anak-anaknya menjadi pengarah syarikat kerana mereka memikirkan ada hubungan, Dr Mahathir menjawab: "Itu lain perkara. Dia ada kemampuan. Dalam dunia perniagaan, mereka cari pengarah yang ada pengetahuan. Dalam pada itu beberapa syarikat yang dia miliki sendiri, dia jadi pengarahlah. Kalau dia ada saham dalam syarikat itu, takkan dia tak boleh jadi pengarah".

Majalah bulanan 'Gossip' diterbitkan sejak Februari lepas oleh Citra Publishing Sdn Bhd, dengan konsep menyampaikan isu atau gosip semasa secara humor, tetapi "berani kerana benar".

Dalam temubual itu, perdana menteri juga mengaku melakukan kesilapan dalam memilih sesetengah projek untuk dimajukan tetapi berkata kebanyakan projek yang diilhamkannya adalah berjaya.

Beliau memberi contoh projek keluli Perwaja di Terengganu yang akhirnya mengalami kerugian berbilion ringgit dan kini masih dalam penyiasatan Badan Pencegah Rasuah.

" Saya akui saya ada buat kesilapan, macam Perwaja, entah macam mana saya tidak dapat menjadikannya berjaya. Tetapi kita sedang cuba cari jalan. Soalnya, saya tidak kata orang ini salah, orang itu salah. Saya take the blame for myself (menyalahkan diri sendiri).

" Saya mengaku saya bukan perfect (sempurna). Saya tidak kenal orang. Kadang-kadang kita misjudge (salah jangka). Ada tidak orang yang tidak pernah misjudge. Saya mengaku saya ada buat silap. Saya tidak pernah mendakwa saya adalah pemimpin perfect yang tidak pernah melakukan kesilapan, tetapi majoriti yang saya lakukan adalah betul...you tengok sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata kalau beliau tidak memimpin dengan betul, Malaysia tidaklah mencapai kemajuan macam sekarang.

Antara projek yang disebutkannya sebagai berjaya ialah kereta nasional, koridor raya multimedia dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Katanya projek lapangan terbang itu yang beroperasi dua tahun lepas dibangunkan dengan harga yang murah jika dibandingkan dengan kosnya jika dimulakan sekarang. Ia perlu kerana lapangan terbang yang lama direka untuk menampung 400,000 penumpang setahun tetapi kena tampung 17 juta penumpang.

" Banyak yang saya buat. Cuba tengok, mana yang saya buat kerana saya bodoh," tanya beliau.

Dr Mahathir juga bangga dengan satu lagi projeknya iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB).

" Tidak ada dalam dunia ini satu unit trust (amanah) yang begitu besar sekali dengan tujuh juta pemegang saham. Carilah tempat lain yang terbesar cuma satu juta pemegang saham. Kita buat, apakah saya salah," katanya.

-- BERNAMA

AU AU RON